

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (34)

Tarikh : 26 Mei 2014

**Ketua Pengarang  
Berita Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR BERITA HARIAN DI RUANGAN R@KANBH  
BERTARIKH 26 MEI 2014, ISNIN – M.S: 31 (NASIONAL)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **ONGBAK:BHA16239** berkenaan warga asing yang dilahirkan di Malaysia akan diberikan kad pengenalan merah.

3. Untuk makluman, lahir di Malaysia dan memiliki sijil kelahiran Malaysia tidak menjadikan seseorang warga asing itu mendapat status kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Lahir di Malaysia juga tidak memberikan status Pemastautin Tetap Malaysia pada seseorang individu yang berstatus warga asing. Oleh itu apabila telah mencapai umur genap 12 tahun mereka tidak boleh dikeluarkan dengan kad pengenalan merah (MyPR). Bagi syarat berkaitan perolehan status Pemastautin Tetap adalah disarankan agar terus merujuk ke mana-mana pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang berdekatan untuk penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**Pejabat Perhubungan Awam,**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)